



SEBAHAGIAN daripada 50 bekas penuntut Matrikulasi UPM-Inpens bergambar kenangan pada majlis pertemuan semula di Bangi Golf Resort, Bangi baru-baru ini.

50 bekas penuntut UPM-Inpens imbas nostalgia

BERTEMU. Seramai 50 bekas penuntut Matrikulasi Universiti Putra Malaysia (UPM)-Inpens bersama pasangan dan ahli keluarga masing-masing mengadakan pertemuan semula di Bangi Golf Resort, Bangi, Selangor baru-baru ini.

Majlis pertemuan yang diadakan sempena 20 tahun persahabatan itu dimulakan dengan bacaan doa selain pertukaran hadiah, permainan kuiz dan tayangan video yang memaparkan gambar kenangan sepanjang mereka menuntut di institusi

pengajian tinggi itu pada 1999. Penyelaras program, Syahrul Imran Shariffuddin berkata, majlis itu dirancang hampir tiga bulan dengan sebahagian daripada bekas penuntut UPM-Inpens dihubungi menerusi Facebook.